

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 NOVEMBER 2022

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 24

Tiada kemelesetan ekonomi 2023

Tiada kemelesetan ekonomi 2023

Jangkaan BNM berdasarkan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang lebih baik

KUALA LUMPUR

Inflasi dijangka kekal tinggi tetapi Malaysia dijangka tidak mengalami kemelesetan pada tahun 2023 sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus berkata, Malaysia telah mula menyaksikan tanda-tanda inflasi didorong oleh permintaan dalam persekitaran deposit yang tinggi.

Oleh itu katanya, bank pusat menyasarkan untuk mengelak situasi apabila nilai asas harga secara meluas telah teraruh secara ketara sebagaimana keadaannya di negara lebih maju.

"Pada 2023, kita akan melihat cabaran terhadap pertumbuhan terutamanya dari aspek luaran dengan pertumbuhan global yang lembap tetapi saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa kita tidak menjangka kemelesetan," katanya dalam sidang akhbar bersama Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di sini pada Jumaat.

Beliau berkata, inflasi yang tinggi menjejaskan kuasa beli dan simpanan rakyat, justeru BNM menguruskan risiko terlebih dahulu melalui pelarasan kadar dasar secara berperingkat tetapi pergerakan dasar yang sederhana dijangka mengambil masa untuk dipindahkan sepenuhnya kepada ekonomi.

"Kita tidak boleh menunggu sehingga inflasi menjadi terlalu tinggi sebelum kita mengambil tindakan. Jika ia berlaku, Kadar Dasar Semalaman (OPR) perlu dinaikkan, lebih cepat dan lebih banyak lagi.

"Ini akan memberi impak kepada isi rumah dan perniagaan. Kami menjalankan

pelbagai dasar bagi mencapai kestabilan harga dan pertumbuhan yang mampan," kata Nor Shamsiah.

Dalam pada itu, Nor Shamsiah berkata, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 14.2 peratus pada suku ketiga 2022 dipacu oleh pengembangan berterusan dalam permintaan domestik, pemulihan kukuh pasaran pekerja, eksport elektrik dan elektronik (E&E) dan bukan E&E yang teguh serta sokongan dasar yang berterusan.

Jelasnya, pertumbuhan itu sebahagiannya didorong oleh kesan asas yang rendah berikutan langkah pembendungan yang ketat pada suku ketiga tahun lepas.

"Berdasarkan pertumbuhan baik yang dicatatkan dalam tempoh sembilan bulan tahun ini, pertumbuhan keseluruhan bagi 2022 dijangka melebihi 7.0 peratus yang diunjurkan sebelum ini.

"Krisis ekonomi lazimnya dikaitkan dengan penguncupan KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar), kadar pengangguran yang lebih tinggi, penutupan perniagaan dan kegagalan pengantaraan kewangan.

"Kita tidak menyaksikan petunjuk ini. KDNK telah berkembang pada empat suku berturut-turut sejak suku keempat 2021," ujarnya.

Nor Shamsiah berkata, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kembali normal menjelang 2023 dalam situasi persekitaran luaran yang lebih mencabar.

Katanya, apa yang penting bagi Malaysia adalah untuk menjamin prospek pertumbuhan masa depannya untuk mengukuhkan lagi asas ekonomi dan meningkatkan daya tahan negara di samping menekankan langkah pembaharuan struktur yang diperlukan.

"Walaupun persekitaran global dijangka mencabar pada 2023, ekonomi Malaysia akan terus berkembang. Ekonomi ini diunjurkan berkembang sebanyak 4.0 hingga 5.0 peratus pada 2023 dan terus mengatasi paras sebelum pandemik," jelasnya. - Bernama



NOR SHAMSAH